



BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
(FOOD SAFETY AND QUALITY DIVISION)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
ARAS 4, MENARA PRISMA
NO. 26, JALAN PERSIARAN PERDANA
PRESINT 3, 62675 PUTRAJAYA

Tel. : 603 - 8885 0797
Faks : 603 - 8885 0769
E-mail : fsq-division@moh.gov.my
<http://fsq.moh.gov.my>



Ruj Kami: KKM.600-19/8/81 (1)

Tarikh : 12 Oktober 2018

Bio Synergy Laboratories Sdn Bhd
(No. SAMM: 877)
No. 7, Jalan Mutiara Emas 6/1A
Taman Mount Austin
81100 Johor Bahru, Johor


Tuan,

PENGIKTIRAFAN MAKMAL SWASTA OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI TUJUAN ANALISIS MAKANAN UNTUK PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Terlebih dahulu Bahagian ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada makmal tuan kerana telah mendapat akreditasi ISO/IEC 17025 dari Jabatan Standard Malaysia (DSM) di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM). Dengan akreditasi yang telah diperolehi, makmal tuan adalah layak untuk diberi pengiktirafan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
3. Justeru itu, sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini mewakili **KKM bersetuju memberi pengiktirafan** kepada makmal tuan bagi tujuan analisis makanan untuk pengeluaran Sijil Kesihatan berkuatkuasa dari tarikh surat dikeluarkan **sehingga 12 Julai 2021** seperti mana tempoh sah laku Sijil Akreditasi ISO/IEC 17025 yang dikemukakan kepada Bahagian ini. Skop analisis yang diiktiraf oleh KKM adalah terhad kepada jenis **ujian makanan** mengikut bidang pengujian berdasarkan **skop akreditasi ISO/IEC 17025** yang dikeluarkan pada **30 Mei 2018**. Sebarang penarikan balik akreditasi oleh DSM akan menyebabkan pengiktirafan ini adalah terbatal secara automatik.
4. **Bagi memastikan makmal tuan terus mendapat pengiktirafan oleh KKM, pihak tuan perlu mengemukakan permohonan untuk melanjutkan pengiktirafan sebelum tamat tempoh dengan mengemukakan salinan Sijil Akreditasi ISO/IEC 17025 yang terkini. Sebarang penambahan skop akreditasi juga perlu dimaklumkan untuk mendapatkan pengiktirafan bagi jenis ujian di dalam penambahan skop akreditasi tersebut.**

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



5. Untuk makluman pihak tuan, **KKM akan menjalankan pemeriksaan verifikasi keupayaan analisis di makmal tuan pada bila-bila masa** yang diperlukan. KKM adalah berhak menarik balik pengiktirafan ini sekiranya pihak makmal gagal mematuhi syarat atau tidak berpuas hati dengan prestasi makmal.
6. Makmal juga perlu mengemukakan **laporan analisis sampel yang dijalankan bagi pengeluaran sijil kesihatan sahaja** kepada Bahagian ini setiap enam (6) bulan. Laporan Januari-Jun perlu dikemukakan pada atau sebelum minggu kedua bulan Julai manakala laporan Julai-Disember perlu dikemukakan pada atau sebelum minggu kedua bulan Januari tahun berikutnya.
7. Senarai makmal yang masih sah laku pengiktirafan oleh KKM untuk analisis makanan bagi pengeluaran Sijil Kesihatan boleh didapati di laman sesawang <http://fsq.moh.gov.my/v5>. **Sekiranya tiada permohonan dari pihak makmal untuk melanjutkan pengiktirafan, nama makmal akan dikeluarkan dari senarai dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tempoh tamat.**
8. Bahagian ini berharap agar pihak tuan sentiasa memastikan tahap kecekapan makmal yang tinggi bagi mengeluarkan keputusan analisis yang boleh dipercayai dan tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak.
9. Segala pertanyaan lanjut sila hubungi pegawai kami, Puan Sharifah Zatil Aqmar binti Syed Mustafa di talian 03-8885 0797 sambungan 4324 atau emel ke sharifah.zatil@moh.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(LEONG SIEW HONG)

b.p Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia